

# Isu air diselesai cara terbaik

> Malaysia, Singapura guna timbang tara atas persetujuan bersama

Oleh Wan Falzal Ismayatim dan Irwan Shafrizan Ismail  
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Malaysia dan Singapura bersetuju mencari penyelesaian terbaik dalam isu Perjanjian Air 1962, termasuk menerusi timbang tara atas persetujuan bersama.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Singapura, Lee Hsien Loong juga bersetuju Menteri Luar dan Peguam Negara kedua-dua negara meneruskan dialog serta perbincangan berkaitan isu berkenaan.

Pada sidang media bersama Hsien Loong selepas sesi Pemukiman Pemimpin Malaysia-Singapura Ke-9 di sini semalam, Dr Mahathir berkata, usaha menyelesaikan isu kajian harga air yang sudah lama berlarutan menjadi keutamaan kedua-dua negara.

Kedua-dua negara terbabit dalam rundingan secara aktif mengenai kajian semula (perjanjian) pada akhir 1990-an dan awal 2000.

"Perdana Menteri Hsien Loong dan saya bersetuju mencari penyelesaian terbaik mengenai isu ini, termasuk kemungkinan penyelesaian melalui arbitrase atas dasar yang dipersetujui bersama," katanya.

Isu berkaitan Perjanjian Air 1962 yang mana Johor membekalkan air mentah kepada Singapura ada-

lah antara perkara utama difokuskan pada sesi pemukiman pemimpin kedua-dua negara.

**Singapura suara kebimbangan**

Sementara itu, Hsien Loong menyuarakan dua perkara yang menjadi kebimbangan Singapura, iaitu tahap keselamatan air yang disalurkan dan keupayaan Sungai Johor memenuhi perjanjian membekalkan 250 juta gelen air sehari.

"Kerisauan kami yang pertama ialah masalah pencemaran air di Johor dan jika Sungai Johor mengalami pencemaran seperti apa yang berlaku di Sungai Kim Kim (Pasar Gudang), pastinya ia malapetaka kepada kedua-dua negara.

"Satu lagi adalah kemampuan Sungai Johor membekalkan 250 juta gelen air sehari seperti perjanjian. Jadi kita perlu adakan kajian mengenai keperluan air untuk Johor dan Singapura bagi baki perjanjian air berkenaan.

"Ia menjadi keutamaan kedua-dua negara bekerjasama bagi memastikan penyaluran air yang mampan, sekali gus boleh mengelak timbul konflik antara dua negara," katanya.

Isu berkaitan perjanjian harga air di antara Malaysia dan Singapura muncul semula pada pertengahan tahun lalu apabila Dr Mahathir mengkritik harga air mentah dijual kepada negara jiran itu, menyifatkannya sebagai 'tidak masuk akal' dan bercadang merundingkan semula terma perjanjian itu.



Dr Mahathir bersama Hsien Loong ketika mengadakan pertemuan di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam.

Hubungan kedua-dua negara sentiasa baik, kita selalu bincang sama ada secara terbuka atau dalam diam-diam, tetapi kita tak melakukan konfrontasi, tindakan ganas atau mahu berperang"

**Dr Mahathir Mohamad**

Kerisauan kami yang pertama ialah masalah pencemaran air di Johor. Satu lagi adalah kemampuan Sungai Johor membekalkan 250 juta gelen air sehari"

**Lee Hsien Loong**

Perjanjian itu yang ditandatangani pada 1926 hanya akan berakhir pada 2061, memberi hak kepada Singapura mendapatkan sehingga 250 juta gelen sehari (mgd) air mentah dari Sungai Johor. Singapura membayar tiga sen setiap 1,000 gelen air mentah dan menjual semula air terawat kepada Johor pada harga 50 sen setiap 1,000 gelen.

Johor memperoleh bekalan harian air terawat sehingga dua peratus atau lima juta gelen sehari air yang dibekalkan kepada republik itu.

Dalam dua siri pertemuan dengan Malaysia sebelum ini, Singapura bersetuju membayar 45 sen bagi setiap 1,000 gelen sehingga 2011 dan 60 sen mulai 2011 hingga 2061 yang akan berterusan sehingga 100 tahun selepas itu.

Kerajaan Malaysia mengenakan syarat Singapura perlu membayar 60 sen bermula 2001 hingga 2007 dan RM3 sehingga 2011, tetapi negara jiran itu menolaknya.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, Malaysia sentiasa mengambil pendekatan melalui perundingan bagi menyelesaikan apa juga isu

bertindih dan pertikaian, bukan melakukan konfrontasi dalam hubungan dua hala dengan Singapura.

**Hubungan sentiasa baik**

"Hubungan kedua-dua negara sentiasa baik, kita selalu bincang sama ada secara terbuka atau dalam diam-diam, tetapi kita tak melakukan konfrontasi, tindakan ganas atau mahu berperang. Banyak negara berjiran terjadi konfrontasi bila ada masalah, tetapi kedua-dua negara (Malaysia dan Singapura) tidak bertindak sedemikian.

"Kita tidak percaya pada keganasan," katanya sambil dipersetujui Hsien Loong yang mengakui kedua-dua negara sentiasa berusaha dan bekerjasama mengukuhkan hubungan yang telah terjalin sejak 1965 itu.

Pemimpin Singapura itu juga mengakui hubungan berkenaan ada pasang surutnya, namun pemimpin kedua-dua negara sentiasa bersefahaman, apa lagi Malaysia dan Singapura mempunyai banyak persamaan, termasuk dari segi budaya, makanan dan perundangan.